

## **JAWAPAN:**

Bagi menjawab soalan (a), tindakan ofensif Kerajaan Filipina memerangi pengedar dadah dan puak pelampau secara besar-besaran telah membuka ruang kepada kemasukan secara haram warga Filipina ke Malaysia, terutamanya Sabah. Bagi menangani keadaan tersebut, beberapa langkah keselamatan yang proaktif telah diambil seperti berikut:

- i) mewujudkan rangkaian kerjasama strategik dengan Kementerian/Agensi Kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, JPM, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan;
- ii) memperkasa ESSCOM dengan penambahan keanggotaan dan aset-aset keselamatan serta meneruskan Arahan Perintah Berkurung;
- iii) kawalan dan operasi berterusan di darat dan perairan oleh APMM, PDRM dan ATM;
- iv) menyelaras serta meningkatkan sistem pengurusan keselamatan negara dalam aspek perisikan, penguatkuasaan dan penglibatan pasukan keselamatan; dan
- v) menyediakan pelan pengurusan krisis sebagai persediaan berhadapan dengan sebarang ancaman pengganas.

**Pada masa yang sama, beberapa pendekatan turut diambil bagi menambahbaik aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:**

- i) mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;
- ii) mengadakan kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Filipina serta Indonesia bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;
- iii) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan
- iv) mengadakan kerjasama dengan semua Agensi/Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.

Bagi menjawab soalan (b) pula, Cawangan Khas PDRM tidak menolak kemungkinan Sabah dijadikan *transit point* bagi pengganas dari rantau Asia Tenggara yang mempunyai hubungan dengan kumpulan pengganas Daesh di Selatan Filipina untuk menjalani latihan ketenteraan. Kedudukan geografi Sabah yang terletak berhampiran Selatan Filipina menjadi faktor utama yang mendedahkan Sabah kepada kemasukan serta serangan kumpulan berkenaan.

**Kumpulan pengganas Daesh akan beralih ke Selatan Filipina untuk merekrut ahli kumpulan Daesh yang mana akan berlaku pergerakan dan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada Sabah yang terletak berhampiran. Mereka akan menjadikan Sabah sebagai transit, sama ada melibatkan anasir-anasir pengganas dari Malaysia atau lain-lain negara dari Asia Tenggara atau Asia Selatan.**

**Seramai 13 orang telah ditahan di Sabah dari 13 Jun 2014 hingga 13 Januari 2017 kerana terlibat dengan kegiatan militan membabitkan 12 orang warganegara Malaysia dan seorang warganegara Filipina. 8 orang tahanan termasuk warga Filipina telah dituduh mengikut Kanun Keseksaan dan 5 orang lagi dibebaskan.**